




Ruj. Tuan :  
Ruj. Kami : KKM. 100-2/2/3 JLD. 4 (44)  
Tarikh : 27 Oktober 2021

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham Bin Abdullah  
Ketua Pengarah Kesihatan

Melalui :

YBhg. Datuk Dr. Chong Chee Kheong  
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

  
DATUK DR. CHONG CHEE KHEONG  
(MPM 26477)  
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan  
(Kesihatan Awam)  
Kementerian Kesihatan Malaysia

YBhg. Tan Sri,

**KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN  
MALAYSIA MENGENAI SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA  
DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Bersama-sama ini dikemukakan Kenyataan Akhbar Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia berkenaan Situasi Semasa Demam Denggi, Zika dan Chikungunya di Malaysia bagi ME 42/2021 (17 Oktober hingga 23 Oktober 2021) untuk persetujuan YBhg. Tan Sri.

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
(DATUK DR. NORHAYATI BT RUSLI)  
Pengarah Kawalan Penyakit  
Kementerian Kesihatan Malaysia




**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI**  
**MALAYSIA**

**(Bagi Minggu 42/2021 dari 17 Oktober hingga 23 Oktober 2021)**

Pada minggu ke-42, kes Demam Denggi yang dilaporkan menunjukkan penurunan sebanyak 10 kes (2.1%), menjadikan jumlah kes 461 berbanding 471 kes pada minggu sebelumnya. Satu (1) kematian akibat komplikasi Demam Denggi dilaporkan pada minggu ke-42. Kumulatif kes Demam Denggi sehingga kini adalah sebanyak 21,308 kes berbanding 80,590 kes bagi tempoh sama tahun 2020 iaitu penurunan 59,282 kes (73.6%), manakala kumulatif kematian adalah sebanyak 16 kematian berbanding 133 kematian bagi tempoh sama tahun 2020 iaitu pengurangan 117 kematian (88%) **(Lampiran A & C)**. Sebanyak lapan (8) lokaliti hotspot dilaporkan pada minggu ke-42 berbanding sembilan (9) lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya dengan lima (5) lokaliti hotspot berada di Negeri Selangor, dua (2) lokaliti hotspot di WPKL & Putrajaya dan satu (1) lokaliti hotspot di Negeri Sabah. **(Lampiran B & D)**.

Sistem Survelan Chikungunya merekodkan sebanyak 38 kes pada minggu ke-42 yang mana 22 kes dari WPKL & Putrajaya, 13 kes dari Selangor, dua (2) kes dari Pulau Pinang dan satu (1) kes dari Negeri Sembilan. Jumlah kumulatif kes Chikungunya sehingga kini adalah 1,170 **(Lampiran E)**. Bagi survelan Zika, sebanyak 1,295 sampel darah dan 31 sampel urin telah dijalankan saringan Zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.


Sempena pembukaan sesi pembelajaran di sekolah dan institusi pengajian tinggi (IPT), pihak pengurusan sekolah dan IPT diminta melaksanakan tindakan proaktif untuk memusnahkan tempat berpotensi pembiakan Aedes serta pencegahan daripada gigitan nyamuk Aedes. Sebelum pelajar memasuki ruangan yang telah lama ditinggalkan, lakukan semburan aerosol di ruangan yang gelap dan tersembunyi bagi membunuh nyamuk dewasa yang mungkin membawa virus denggi. Galakkan penggunaan repelan di kalangan pelajar untuk mencegah gigitan nyamuk terutama sewaktu puncak gigitan nyamuk iaitu dari jam 5 pagi hingga 7 pagi dan dari jam 5 petang hingga 7 petang. Gunakan juga lingkaran elektrik pembunuh nyamuk untuk menghalau nyamuk atau jaring/ kasa dawai untuk mencegah nyamuk memasuki ruangan premis. Jaga diri, keluarga dan komuniti dari ancaman maut demam denggi. **Tiada Aedes, tiada Denggi, Chikungunya, dan Zika.**



**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH**  
Ketua Pengarah Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
**3/ Oktober 2021**




Gambarajah 1: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi minggu ke- 41 dan ke- 42 tahun 2021




Gambarajah 2: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi sehingga minggu ke- 42 tahun 2021 dan tempoh sama tahun 2020

Lampiran B



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes Mingguan Demam Denggi Malaysia Tahun 2021, 2020 dan Median 2016-2020



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot Denggi minggu ke-42 tahun 2021

**BILANGAN KES DENGGI PADA MINGGU 42/2021**  
**(17 Oktober hingga 23 Oktober 2021)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian Denggi dilaporkan				Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 42/2021		Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 42/2020	
		Minggu 42 (17 Oktober – 23 Oktober 2021)		Minggu 41 (10 Oktober – 16 Oktober 2021)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	0	0	0	0	20	0	79	0
2	Kedah	7	1	14	0	429	1	723	0
3	P. Pinang	6	0	0	0	323	0	878	2
4	Perak	3	0	8	0	480	1	2,502	3
5	Selangor	279	0	273	0	12,700	2	40,279	36
6	WP KL & Putrajaya	67	0	85	0	2,604	2	9,386	7
7	N. Sembilan	12	0	16	0	500	1	2,600	8
8	Melaka	6	0	7	0	511	0	2,328	7
9	Johor	20	0	17	0	1,501	2	9,951	39
10	Pahang	3	0	5	1	369	2	2,742	8
11	Terengganu	1	0	0	0	36	0	349	0
12	Kelantan	3	0	7	0	179	0	3,730	6
13	Sarawak	9	0	2	0	316	0	1,398	2
14	Sabah	45	0	37	0	1,336	5	3,639	15
15	WP Labuan	0	0	0	0	4	0	6	0
	<b>MALAYSIA</b>	<b>461</b>	<b>1</b>	<b>471</b>	<b>1</b>	<b>21,308</b>	<b>16</b>	<b>80,590</b>	<b>133</b>

Lampiran D

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 42/2021  
(17 Oktober hingga 23 Oktober 2021)**

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL KES	TEMPOH WABAK (HARI)
1	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Taming Impian	35	62
2	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan TPS 3 Taman Pelangi Semenyih	12	51
3	WPKL	Cheras	Flat Sri Sabah A(Blok 54-60)	13	41
4	SELANGOR	Petaling	E11. Sri PJS 5 Flat Desa Ria (G,J,K,L,M,N,O,P)	14	40
5	WPKL	Cheras	Kem Sg Besi(Jalan Kedah)	25	40
6	SABAH	Tawau	JK02 Tmn. Semarak Loji	11	39
7	SELANGOR	Petaling	E9. KT SS 2 (1) [Jln SS 2/1-2/4, 2/4a,4b, 2/5-2/23, 2/25, 2/25a]	5	35
8	SELANGOR	Petaling	E9. KT SS 1(Teres 5)[Jln SS 1/16b, 16c, 18, 19c, 20, 20a, 21, 21a, 23, 23a, 23b, 23c]	4	33

**PECAHAN KES CHIKUNGUNYA MENGIKUT DAERAH DAN NEGERI  
SEHINGGA MINGGU EPID 41/2021 (16 Oktober 2021)**

BIL	NEGERI	DAERAH	BIL KES (Daerah)	BIL KES (Negeri)
1.	Perlis	Kangar	3	3
2.	Johor	Johor Bahru	17	96
		Kluang	1	
		Muar	5	
		Segamat	33	
		Tangkak	40	
3.	Kedah	Baling	5	124
		Kota Setar	1	
		Kuala Muda	90	
		Kulim	23	
		Langkawi	1	
		Sik	4	
4.	Kelantan	Bachok	1	34
		Gua Musang	1	
		Jeli	1	
		Kota Bharu	10	
		Kuala Krai	3	
		Pasir Mas	3	
		Pasir Puteh	1	
		Tanah Merah	2	
		Tumpat	12	
5.	Melaka	Alor Gajah	4	27
		Jasin	1	
		Melaka Tengah	22	
6.	Negeri Sembilan	Seremban	8	8
7.	Perak	Batang Padang	1	180
		Kampar	2	
		Kinta	10	
		Kuala Kangsar	30	
		Larut Matang & Selama	28	
		Manjung	109	
8.	Pulau Pinang	Barat Daya	33	56
		SP Selatan	1	
		SP Tengah	2	
		SP Utara	6	
		Timur Laut	14	



9.	Selangor	Gombak	114	244
		Hulu Langat	66	
		Hulu Selangor	1	
		Klang	50	
		Petaling	6	
		Sepang	7	
10.	WP Kuala Lumpur	Cheras	50	398
		Kepong	121	
		Lembah Pantai	60	
		Titiwangsa	167	
<b>JUMLAH KUMULATIF</b>			<b>1,170</b>	